DELEUM

# NEWS CLIPPINGS



Headline : Saham Deleum RM 10.68j
Media : Berita Harian
Day/Date : 27 April 2010
Page :
Links :

## Saham Deleum RM10.68j

Deleum Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Delcom Services Sdn Bhd (DSSB) semalam memeterai perjanjian jualan saham dengan pemegang saham Rotary Technical Services Sdn Bhd.

Ia bagi membolehkan Deleum memiliki keseluruhan saham Rotary bernilai RM10.68 juta, sekali gus menjadikan Rotary sebagai anak syarikat penuhnya.

Rotary adalah penyedia perkhidmatan pembaik pulih, pengubahsuaian, menaik taraf dan pemasangan perkakasan mesin dan kelengkapan utama bagi motor, generator, transformer, pam dan pili. Pengambilalihan itu dijangka akan selesai pada suku kedua tahun ini yang akan menyumbangkan secara positif kepada pendapatan Deleum pada masa depan.